



Nestlé Good food, Good life

Press Release

Kuala Lumpur, 9 December 2022

Nestlé's Harvest Gourmet: Jom Sertai Kempen #HGEatGoodChallenge!

*Nestlé Harvest Gourmet menggalakkan diet berasaskan tumbuhan yang
sihat dan lebih mampan*

Harvest Gourmet, jenama produk makanan berasaskan tumbuhan Nestlé Malaysia, melancarkan kempen **#HGEatGoodChallenge** hari ini bagi mendidik dan mengadvokasikan pemakanan yang lebih sihat dan mampan dalam kalangan rakyat Malaysia, dengan kerjasama BookDoc.

Di peringkat global, masyarakat kini lebih peka terhadap kepentingan kesihatan dan isu alam sekitar. Semakin ramai individu mengurangkan pengambilan daging dan mengamalkan diet berasaskan tumbuhan. Dengan menawarkan produk makanan berasaskan tumbuhan yang lazat, ringkas dan mudah disediakan di samping memberi tekstur, nutrisi dan nilai produk yang tinggi, Nestlé Harvest Gourmet memberikan pengguna Malaysia suatu alternatif yang lebih sihat sebagai makanan harian kegemaran mereka.

Topik berkaitan produk makanan berasaskan tumbuhan telah menjadi fokus pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP 27) 2022 baru-baru ini, dimana sistem pemakanan global bertanggungjawab terhadap lebih 30% daripada pelepasan gas rumah hijau, dengan 57% daripadanya adalah berpunca daripada pemrosesan daging, produk tenusu dan tanaman untuk makanan haiwan. Oleh itu, peralihan kepada diet berasaskan tumbuhan adalah satu tindakan positif bagi mengatasi perubahan iklim.

Pada majlis pelancaran kempen **#HGEatGoodChallenge**, **Encik Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad** berkata lebih ramai rakyat Malaysia mula mengamalkan diet yang lebih baik serta peka terhadap kesan pemilihan makanan mereka kepada planet. Kempen **#HGEatGoodChallenge** ini bertujuan menggalakkan dan memberi pengalaman kepada rakyat Malaysia mempelajari cara mudah untuk mengamalkan cara pemakanan berasaskan tumbuhan yang lazat dan lebih sihat dalam diet harian mereka. "Kempen ini amat bermakna khususnya sebagai permulaan kepada tahun baharu dengan gaya hidup lebih sihat, sambil berbuat baik kepada planet!" kata Juan dengan penuh semangat.

Cabaran **#HGEatGoodChallenge** akan berlangsung mulai 10 Disember 2022 hingga 8 Januari 2023 melalui aplikasi kesihatan BookDoc. Peserta dikehendaki menyediakan dan menghantar 15 hidangan Harvest Gourmet dan mencatatkan sekurang-kurangnya

120,000 langkah dalam tempoh cabaran selama 30 hari untuk melayakkan diri memenangi hadiah-hadiah menarik. Selain itu, setiap peserta yang berjaya melengkapkan cabaran akan menerima E-sijil daripada Nestlé RELeaf di mana Harvest Gourmet komited untuk menanam sebatang pokok baharu untuk setiap peserta yang melengkapkan cabaran. Nestlé RELeaf merupakan inisiatif penghutan semula terbesar Nestlé Malaysia yang bermatlamat menanam tiga juta pokok menjelang akhir tahun 2024.

Selebriti berpengaruh **Scha Alyahya, Dini Schatzmann dan Qiu Wen** turut hadir untuk berkongsi pengalaman mereka mengamalkan pemakanan berasaskan tumbuhan dalam diet mereka dan kesan positif makanan ini terhadap kehidupan mereka. Acara itu juga menampilkan rakan usaha sama **#HGEatGoodChallenge** yang terdiri daripada kumpulan F&B seperti **Epic Food Hall, KyoChon, Uncle Bob Sabah, Sheraton KL, EQ Hotel** dan lain-lain yang akan menyediakan hidangan Nestlé Harvest Gourmet di restoran mereka untuk dijadikan pilihan para peserta sepanjang tempoh cabaran.

Turut hadir dalam acara pelancaran ini adalah Presiden Persatuan Vegetarian Malaysia, **Encik RajKumar R G Sheth**. Beliau akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesedaran tentang pemakanan berasaskan tumbuhan; manakala perunding pakar dietetik **Puan Indra Balaratnam** berkongsi pandangan penting tentang pemakanan sihat.

"Pemakanan merupakan salah satu elemen penting dalam spektrum kesihatan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kita mengabaikan tabiat pemakanan yang seimbang kerana gaya hidup kita yang sibuk dan kurang disiplin. Statistik menunjukkan bahawa 1 daripada 2 orang dewasa adalah berlebihan berat badan atau obes, 3 daripada 10 orang dewasa mempunyai tekanan darah tinggi dan penyakit jantung kekal sebagai penyebab utama kematian di Malaysia¹," kata Indra.

"Diet berasaskan tumbuhan telah terbukti banyak memberi manfaat kepada kesihatan kita seperti merendahkan risiko penyakit jantung koronari, tekanan darah tinggi dan diabetes, serta meningkatkan jangka hayat kita," kata Indra lagi.

Indra berkongsi dua resipi mudah dan lazat berasaskan produk Nestlé Harvest Gourmet untuk cabaran tersebut semasa acara pelancaran - **Spicy Gochujang Honey Glazed Gourmet Nuggets** dan **Spiced Harvest Gourmet Mince with Green Peas**. Kedua-dua resipi ini akan menjadi sebahagian daripada 15 inspirasi hidangan berasaskan tumbuhan yang ditampilkan untuk peserta cabaran **#HGEatGoodChallenge**.

Selaras dengan janji jenama Nestlé Harvest Gourmet "**Eat Good, Feel Good**", syarikat komited untuk membangunkan produk berasaskan tumbuhan yang lazat dan berkualiti tinggi, khususnya buat pengamal diet vegan serta berjuta-juta rakyat Malaysia yang ingin mengurangkan pemakanan daging, sebagai suatu alternatif yang enak dan lebih sihat.

Nestlé Harvest Gourmet menggunakan 100 peratus bahan-bahan berasaskan tumbuhan yang dipilih dengan teliti. Bahan-bahan tersebut diadun dengan cermat dan diperkenalkan dalam format yang mudah disediakan serta lazat untuk kegunaan di rumah dan di luar rumah. Rangkaian produk Harvest Gourmet terdiri daripada snek nuget, kutlet, burger serta *mince* dan kepingan *Chargrilled* yang sesuai digunakan dalam resipi.

¹ Institute for Public Health 2020. National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy—Key Findings

Produk berasaskan tumbuhan terus menjadi keutamaan bagi Kumpulan Nestlé di seluruh dunia. Ini dibuktikan melalui pelancaran kilang pembuatan produk berasaskan tumbuhan yang pertama di Shah Alam pada tahun 2021 - yang pertama di ASEAN dan hanya satu daripada dua di Asia - untuk memenuhi pasaran tempatan dan eksport yang semakin berkembang.

Untuk maklumat lanjut tentang **#HGEatGoodChallenge.**, sila layari <http://www.harvestgourmet.my/whatsnew-tips>. Hadiah mingguan menanti dan tiga orang peserta teratas akan memenangi hadiah seperti Apple Watch Ultra, Apple Watch SE dan Apple AirPods.

Nestlé Gourmet Harvest

Rangkaian produk makanan berasaskan tumbuhan Nestlé Harvest Gourmet memberikan anda kenikmatan rasa daging sebenar dan diperbuat daripada bahan-bahan berkualiti tinggi yang diperoleh secara bertanggungjawab, bebas kolesterol, tinggi protein dan sumber serat, sesuai untuk pengamal diet vegan.

Nestlé Harvest Gourmet menawarkan cara yang lazat dan mudah, untuk meningkatkan pengambilan makanan berasaskan tumbuhan dalam hidangan anda dan membantu orang ramai untuk bertukar/beralih daripada protein haiwan. Rangkaian produk berasaskan tumbuhan Nestlé Harvest Gourmet termasuk nuget, burger, kutlet, *mince* dan kepingan *chargrilled*.

Nestlé Harvest Gourmet dihasilkan di kemudahan pembuatan penyelesaian berasaskan tumbuhan di Shah Alam - yang pertama di ASEAN dan satu daripada dua sahaja di Asia. Kemudahan itu akan menampung permintaan yang semakin meningkat untuk makanan berasaskan tumbuhan bagi pasaran tempatan dan juga eksport.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar
Nestlé (Malaysia) Berhad

Nurul Atiqah Mustapa
Perspective Strategies

Tel: +603 7965 6456
Mobile: +60 12 235 6865
E-mail: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Tel: +603 7491 3138
Mobile: +60 19 234 1115
E-mail: nurul.atiqah@perspective.com.my